# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# PUAN HAJJAH ZAINAB @ NGAH BINTI MAMAT
# TOKOH KRAF NEGARA DAN TOKOH SONGKET

OLEH:


| | |
|---|---|
| NUR FATIN SYAWANI BINTI AZEMAN | 2018225664 |
| EILI AIDA BINTI NAWAWI | 2018659778 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2020 – FEB 2021)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh,

Alhamdulillah, pertama sekali ingin kami panjatkan kesyukuran kehadrat Illahi kerana dengan izin dan rahmat kurnianya kami berjaya menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Dalam proses menyiapkan tugasan ini, memang tidak dapat dinafikan kami menghadapi beberapa kekangan sebelum mulanya proses menemubual tokoh. Namun dengan berkat kesabaran dan istiqamah, semua masalah yang kami hadapi dapat kami tempuhi dengan jayanya. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek IMR 604 Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan), Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan mencurahkan ilmu kepada kami semua untuk menyiapkan projek ini. Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Hajjah Zainab binti Mamat kerana tanpa kerjasama beliau, tugasan ini tidak dapat kami siapkan dengan jayanya. Kami juga ingin berterima kasih kepada Puan Hajah Zainab kerana telah memberi ruang dan peluang untuk kami mendokumentasikan hasil dan jasa sumbangan beliau selama ini kepada negara. Akhir kata, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima-kasih tidak terhingga kepada ibubapa kami yang telah banyak memberi sokongan dan pandangan dalam menjayakan tugasan ini begitu juga rakan seperjuangan. Sekian terima kasih

# ABSTRAK

# ABSTRAK

***Abstrak:*** *Temubual ini dilakukan bersama Tokoh Kraf Negara Malaysia iaitu Hajah Zainab @ Ngah binti Mamat untuk mengetahui tentang sejarah beliau melibatkan diri dengan dunia tenunan songkek dan keunikan songket di Terengganu. Temubual ini telah dijalankan di Kampung Gelung Gajah, Kuala Terengganu pada 7 November 2020 bermula jam 11.30 pagi hingga 2.30 petang. Hajah Zainab @ Ngah binti Mamat telah melibatkan diri dalam bidang menenun semenjak beliau berumur 7 tahun yang pada awalnnya hanya mengambil upah RM4 untuk sehelai kain bagi menampung pendapatan keluarganya. Selain itu, pencapaian yang tertinggi beliau ialah hasil tenunan beliau telah mendapat perhatian kalangan istana. Selain Istana Negara menempah pakaian untuk penjawat istana sejak 10 tahun yang lalu, Istana Maziah di Terengganu turut pernah menempah pakaian songket untuk kegunaan upacara tertentu di istana. Beliau juga pernah menghasilkan kain songket untuk pakaian pengantin diraja Brunei. Seterusnya, beliau juga telah terpilih untuk menjadi Tokof Kraf Negara dalam bidang tenunan songket pada tahun 2002 bagi menghargai jasa dan sumbangan beliau. Selain menghasilkan samping songket untuk lelaki, beliau turut menghasilkan sarung, selendang dan persalinan untuk wanita termasuk pakaian pengantin. Hajah Zainab turut menghasilkan beberapa produk hiasan yang menggunakan kain songket seperti alas meja, sarung kusyen, hiasan dinding, beg tangan, cekak kepala dan sebagainya. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi Hajah Zainab @ Ngah binti Mamat semasa berkhidmat dalam bidang tenunan semenjak umur 7 tahun. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.*

***Kata kunci: Hajah Zainab @ Ngah binti Mamat, tokoh, tenunan, songket, sejarah, sumbangan, menghasilkan***

***Abstract**: This interview was conducted with the National Craft Figure of Malaysia, namely Hajah Zainab @ Ngah binti Mamat to find out about her history of being involved with the world of songkek weaving and the uniqueness of songket in Terengganu. This interview was conducted in Kampung Gelung Gajah, Kuala Terengganu on 7 November 2020 from 11.30 am to 2.30 pm. Hajah Zainab @ Ngah binti Mamat has been involved in weaving since she was 7 years old who initially only took RM4 for a piece of cloth to cover her family's income. In addition, his highest achievement is that his weaving has gained the attention of the palace. Apart from Istana Negara ordering clothes for palace officials for the past 10 years, Istana Maziah in Terengganu has also ordered songket clothes for certain ceremonial use at the palace. He also produced songket cloth for the royal wedding dress of Brunei. Subsequently, he was also selected to be the National Craft Tokof in the field of songket weaving in 2002 to appreciate his services and contributions. Apart from producing songket for men, he also produces sarongs, shawls and dresses for women including wedding dresses. Hajah Zainab also produces several decorative products that use songket cloth such as tablecloths, cushion covers, wall decorations, handbags, headbands and so on. Hajah Zainab @ Ngah binti Mamat has faced various tests and challenges while serving in the field of weaving since she was 7 years old. His life and career history can be a source of inspiration to everyone.*

***Keywords: Hajah Zainab @ Ngah binti Mamat, figure, weave, songket, history, contribution, produce***

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan | IV |
| Abstrak | VI - VII |
| Isi Kandungan | IX |
| Biodata Tokoh | XI |
| Pengenalan | XIII |
| Transkrip | |
| Bahagian 1: Pengenalan diri | 15-17 |
| Bahagian 2: Sejarah Pendidikan | 18-20 |
| Bahagian 3: Bidang Tenunan Songket | 20-27 |
| Bahagian 4: Produk dan Perniagaan Tenunan Songket | 27-33 |
| Bahagian 5: Galeri Terengganu Songket | 33- 35 |
| Bahagian 6: Pencapaian dan Anugerah | 35-37 |
| Bahagian 7: Harapan dan Impian | 37-39 |
| Rujukan | 41 |
| Lampiran | |
| Log Wawancara | 44-50 |
| Diari Kajian | 52-53 |
| Senarai Soalan | 55-61 |
| Surat Perjanjian | 63 |
| Gambar | 65-68 |
| Sijil Penghargaan | 70-74 |
| Indeks | 76-77 |

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | |
|---|---|
| Nama | : Hajah Zainab @ Ngah Binti Mamat |
| Umur | : 79 Tahun |
| Tarikh Lahir | : 22 Disember 1942 |
| Tempat Lahir | : Kampung Gelung Gajah, Terengganu |
| Alamat Kini | : 16288-A Terengganu Songket<br>Kampung Bukit Depu<br>Jalan Panji Alam<br>21100 Kuala Terengganu |
| Bangsa/Agama | : Melayu/ Islam |
| Nama ibu | : Mariam binti Mohd Amin |
| Nama bapa | : Jusof bin Hussein |
| Tahap pendidikan | : Sekolah Rendah |
| Taraf Perkahwinan | : Berkahwin |
| Bilangan Anak | : 6 orang |
| No. Telefon | : 09- 6226458 |
| Bidang kraf yang diceburi | : Kraf Tenunan Songket |
| Tarikh lantikan Tokoh Kraf Negara | : 2002 |
| Tarikh lantikan Tokoh ASEAN | : 2007 |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Tokoh yang telah dipilih untuk ditemuramah ialah Puan Hajah Zainab @ Ngah binti Mamat. Beliau merupakan seorang Tokoh Kraf Negara dan juga Tokoh Songket. Puan Hajah Zainab telah berkecimpung dalam bidang tenunan songket sudah hampir 55 tahun. Terdapat banyak koleksi songket hasil tangan beliau sendiri yang terdiri dari pelbagai jenis corak dan warna yang memiliki seni kehalusan dan keindahannya yang tersendiri. Puan Hajah Zainab mempunyai sebuah galeri songket miliknya sendiri yang diberi nama Terengganu Songket. Terengganu Songket ditempatkan di kediamannya sendiri bagi menghimpun hasil koleksi tenunan songket Terengganu. Terdapat pelabagai jenis kain songket yang dipamerkan untuk tatapan pengunjung dan pembeli.

Songket merupakan salah satu tekstil lama Melayu yang mampu bertahan daripada zaman dahulu sehingga kini. Keunikan dan keseniannya terserlah. Songket Malaysia buatan tangan terbukti bermutu tinggi nilainya. Disebabkan perkara inilah, Puan Hajah Zainab binti Mamat lebih menumpukan perhatian terhadap perusahaan songket. Perusahaan songket Puan Hajah Zainab bermutu tinggi sehingga menjadi tarikan kerabat istana untuk menempah songket dengan beliau bagi digayakan semasa upacara tertentu di istana. Selain itu, Puan Hajah Zainab pernah menghasilkan beberapa kain songket untuk pakaian pengantin diraja Brunei. Selain dari pakaian songket, beliau juga menghasilkan produk hiasan menggunakan kain songket seperti alas meja, sarung kusyen, hiasan dinding, beg tangan, cekak kepala dan sebagainya.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh **Eili Aida binti Nawawi** dan **Nur Fatin Syawani binti Azeman** bersama **Puan Hajjah Zainab @ Ngah binti Mamat** mengenai pengalaman beliau sebagai seorang **Tokoh Kraf Negara dan Tokoh Songket**. Temubual ini dijalankan dengan **menggunakan aplikasi atas talian iaitu Google Meet** pada **11 Disember 2020**. Berikut adalah hasil rakaman temubual.

Petunjuk:

PHZ: Puan Hajah Zainab
EA: Eili Aida Bt Nawawi
FS: Fatin Syawani Bt Azeman

**Bahagian 1: Pengenalan diri**

**FS: Assalamualaikum puan. Boleh kami tahu apakah nama penuh puan?**

PHZ: Nama saya Hajah Zainab binti Mamat

**FS: Berapakah umur puan sekarang?**

PHZ: Umur saya 78 tahun lebih kurang.

**FS: Adakah puan mempunyai nama panggilan?**

PHZ: Orang panggil Mak Ngah, sebab saya anak yang ke dua. Orang Terengganu panggil "Mok Ngoh".

**FS: Bilakah Tarikh lahir puan?**

PHZ: Tarikh lahir saya bagi nombor kad pengenalan la senang. 421222-11-5088. (*22 haribulan 12 tahun 1942*)

**FS: Ok baiklah. Dimanakah puan dilahirkan dan dibesarkan?**

PHZ: Saya dilahirkan bukan di Kampung Bukit Depu. Kampung Bukit Depu ni baru 40 tahun lebih kurang saya duduk (*menetap*). Dulu di Kampung Gulung Gajah, Terengganu.

**FS: Boleh kami tahu siapakah nama ibu dan bapa puan Zainab?**

PHZ: Nama ibu saya Hajah Mariam bt Hj Muhammadd Min

**FS: Nama bapa puan?**

PHZ: Nama bapa saya Muhammad bin Ibrahim.

**FS: Dimanakah puan tinggal sekarang?**

PHZ: Sekarang rumah saya di Kampung Bukit Depu, Kuala Terengganu.

**FS: Berapakah bilangan adik beradik puan?**

PHZ: Adik beradik saya semuanya 7 orang. 1 lelaki, 6 perempuan.

**FS: Jadi puan anak keberapa?**

PHZ: Ya, saya anak ke dua. Yang pertama perempuan.

**EA: Anak yang pertama lelaki ke?**

PHZ: Yang pertama perempuan.

**FS: Pada tahun bilakah puan berkahwin?**

PHZ: Umur saya semasa itu lebih kurang 17 tahun. Masa dulu tak boleh la (ketawa). Orang akan panggil anak dara tua.

**FS: Apakah nama suami puan?**

PHZ: Haji Jusoh bin Haji Hussin.

**EA: Puan ada berapa orang anak?**

PHZ: Saya ada 6 orang anak. 5 perempuan, 1 lelaki.

**FS: Apakah nama dan umur anak puan?**

PHZ: Kalau semua tu tak tahu la (*ketawa*). Saya bagitahu perempuan lelaki sudah la ye. Anak pertama perempuan, anak kedua lelaki lepastu perempuan semua. Macam mak saya juga, satu je lelaki.

**FS: Anak sulung puan umur berapa?**

PHZ: Yang tu tak pasti la. Yang pertama nama Rokiah, kedua Mazlan, ketiga Zainun. Zainun merupakan pewaris Terengganu Songket sekarang ini. Yang ke empat Normah, kelima Azizah dan last (*akhir*) sekali Siti Munirah.

**FS: Boleh kami tahu adakah puan tegas dalam mendidik anak-anak?**

PHZ: Memang la, dengan anak-anak kena tegas lah. Baru diorang (*mereka*) takut sikit. Insyaallah diorang (*mereka*) boleh ikut.

**EA: Insyaallah, amiin**

**TAMAT BAHAGIAN 1**

**Bahagian 2: Sejarah pendidikan**

**FS:** **Boleh kami tahu dimana puan bersekolah? Sekolah rendah dan menengah?**

PHZ: Saya bersekolah rendah di Sekolah Melayu, Pasir Panjang. Dulu habis dengan bersekolah di darjah 5. Sekolah itu sahaja yang ada. Takde (tiada) dah sambung-sambung belajar kalau di Terengganu.

**FS:** **Bagaimana puan pergi ke sekolah pada ketika itu?**

PHZ: Tak lah, dekat sahaja. Ada la lebih kurang 1 meter. Saya berjalan kaki sahaja ke sekolah. Pagi saya sekolah (kelas) melayu dan petang sekolah (kelas) arab di tempat yang sama. Di sekolah (kelas) arab itu saya belajar baca Al-Quran, solat dan sebagainya. Tak belajar di kampung la, belajar di sekolah.

**FS:** **Apakah subjek yang paling puan minat semasa di sekolah?**

PHZ: Di zaman persekolahan, saya minat sukan dan pekerjaan tangan juga saya minat seperti subjek kemahiran. Saya mahir dalam menenun. Setiap kali balik sekolah saya akan menenun songket ibu saya.

**FS:** **Siapakah rakan puang yang paling rapat sehingga sekarang?**

PHZ: Saya kawan belaka (*semua*). Tak pernah balah (bergaduh). Tidak pernah bergaduh dengan siapa pun. Saya baik dengan semua kawan saya tapi mereka semua dah tiada (meninggal dunia). Ramai yang meninggal. Kawan baik saya yang tinggal sekampung dan dekat rumah pun dah meninggal dunia semasa

mempuanyai seorang anak. Beliau meninggal kerana sakit dalam perut. Dia takut nak ke hospital, saya pun takut leni (sekarang). (ketawa).

FS: **Apakah kenangan manis semasa disekolah?**

PHZ: Kenangan manis semasa zaman sekolah ialah saya suka mengait, buat stokin dan kasut. Menggunakan benang dan dua jarum untuk mengait. Cikgu perempuan yang mengajar saya, sampai leni (sekarang) saya tidak membawa balik barang itu (hasil mengait itu). Saya mendapat nombor satu semasa menyertai pertandingan. Saya tinggalkan disekolah supaya murid murid lain dapat tengok. Nak bawa balik (pulang) pun ketika itu belum mempunyai anak lagi sebab stokin budak kecil (kanak-kanak).

EA: **Adakah pertandingan menjahit, mengait dan menenun selalu diadakan pada ketika itu?**

PHZ: Ya, ada. Saya selalu mendapat nombor satu. Pernah ketika itu, saya menolong rakan saya yang menyertai pertandingan dan berjaya mendapat tempat pertama. Tapi sekarang sudak tidak mengait, hanya fokus kepada tenunan songket sahaja.

FS: **Apakah hobi dan cita cita Puan?**

PHZ: Hobi saya ialah menenun dan cita cita saya ingin menjadi seorang pembuat songket. Saya tak terima (menolak tawaran) sebagai guru dan jururawat. Terpilih menjadi guru, tapi saya tak nak. Saya hanya ingin membuat songket. Ayah saya juga tidak bersetuju saya menjadi seorang jururawat.

FS: **Adakah puan menyambung pelajaran setelah tamat persekolahan?**

PHZ: Tidak. Sebelum habis sekolah pun saya dah mulai menenun sedikit demi sedikit. Saya tidak bekerja lain, terus buat songket.

**FS:** **Apakah pencapaian tertinggi puan?**

PHZ: Saya tidak pernah sangka untuk mendapat apa-apa anugerah. Ada suatu ketika, pihak Kraf Tangan senaraikan nama saya dan mengkaji tentang sejarah serta hasil songket saya. Tidak lama kemudian, pihak Kraf Tangan telah menghantar surat kepada saya dengan mengatakan "awak terpilih boleh jadi Tokoh Kraf Negara". Saya tidak pernah berniat untuk menjadi tokoh. Saya hanya berniat untuk mencari rezeki sahaja. Tapi saya juga bersyukur kerana telah terpilih sebagai tokoh. Setelah lebih kurang 5 tahun menjadi tokoh Kraf Negara, pihak Kraf Asian pula telah menghubungi dan memilih saya. Ada gambar kalau nak tengok. (Menunjukkan gambar dan majalah Tokoh Kraf Negara dan Tokoh Kraf Asian milik beliau)

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**<u>Bahagian 3: Bidang Tenunan Songket</u>**

**FS:** **Boleh puan ceritakan bagaimana puan boleh berkecimpung dalam bidang tenunan songket?**

PHZ: Saya gini (macam ni), memang ini kerja saya. Daripada emak saya, atok saya, takt ahu dah keturunan ke berapa. Memang semuanya kerja menenun songket. Jadi, saya terpaksa lah kerja menenun songket. Warisan dari nenek moyang.

**FS:** **Apakah pekerjaan ibu bapa puan pada ketika itu?**

PHZ: Semasa kecil tidak bekerja. Emak saya pun bekerja menenun songket juga dan tidak bekerja lain.

**EA:** **Apakah pekerjaan bapa puan pada waktu itu?**

PHZ: Bapa saya berniaga ayam kampung. Dia ambil ayam daripada orang kampung dan pergi menjual di pekan atau bandar (ketawa).

**EA: Dimanakah tempat mula-mula puan belajar menenun songket?**

PHZ: Dibawah rumah sahaja dulu, tiada bengkel yang cantik macam sekarang. Sekarang ni sudah ada bengkel dan aircond (penghawa dingin). Itu pun orang sekarang tak mboh (tak nak) menenun lagi. Dulu menenun dibawah rumah sahaja.

**EA: Tempahan songket jenis apakah yang mula-mula puan pasarkan?**

PHZ: Masa waktu mula-mula belajar ialah songket kosong yang tiada bunga. Saya ajar orang leni (sekarang) pun, yang tiada bunga juga. Setelah pandai (mahir) menenun, baru lah menenun songket bunga. Takkan lah terus nak naik atas, sedangkan latok (proses menenun) pun tak mahir lagi.

**EA: Sudah berapa lamakah puan berjinak dalam bidang tenunan songket ini?**

PHZ: Taktahu lah. Saya bersekolah pada umur 7 tahun, 4tahun selepas itu semasa di darjah 5 saya terus menenun. Mungkin sudah hampir seusia dengan umur saya sekarang. Kalau belajar, 2 tahun pun belum tentu lagi mahir.

**EA: Adakah ada diantara anak-anak puan yang mengikuti jejak langkah puan, selain Puan Zainun?**

PHZ: Anak-anak saya semua pandai menenun. Tapi, mereka ada pekerjaan lain seperti berniaga. Anak lelaki saya pun tahu cara membuat songket, kerana saya selalu meminta tolong dia untuk ambil dan angkat barang semasa proses menenun. Barang berat selalunya saya akan meminta tolong dia, kerana tidak larat melakukan sorang diri.

**EA:** **Adakah puan masih aktif dalam bidang songket?**

PHZ: Saya sudah tidak menenun leni (sekarang), anak saya pula yang menenun dan menjaga pekerja-pekerja. Dia dah boleh ganti saya. Dia yang selalu jumpa pelanggan, jika ada orang yang nak tengok songket. Sekarang saya hanya duduk dirumah sahaja.

**EA:** **Adakah puan pernah bekerja ditempat lain yang selain daripada tenunan songket?**

PHZ: Saya tak biasa bekerja dengan orang. Kalau saya penat bekerja, saya akan menanam pokok bunga.

**EA:** **Apa yang menyebabkan puan berminat dengan pembuatan songket?**

PHZ: Menenun sebenarnya mempunyai banyak kategori, jadi perlu belajar lama. Pada mulanya, saya berminat dengan bunyi orang menenun [membuat bunyi]. Tetapi, orang sekarang menenun sudah tiada bunyi lagi sebab mereka menggunakan alat plastik. Dulu kami menggunakan alatan kayu sehingga mengeluarkan bunyi yang kuat.[ketawa]. Dulu saya ada kurus di Kraftangan (sambil menunjukkan alatan tenunan songket dan cara gunakannya)

**EA:** **Apakah yang memberi inspirasi untuk puan membuat songket sampai sekarang?**

PHZ: Dulu semasa suami saya ada lagi, dia la yang tolong menjual. Saya hanya jaga orang menenun dirumah.

**EA:** **Boleh puan ceritakan kenapa puan memilih untuk meneruskan tradisi menenun songket sebagai kerjaya puan dan bukannya memilih untuk menjadi guru dan sebagainya pada waktu itu?**

PHZ: Sebab kita sudah berjaya, jadi sudah tak Nampak pekerjaan lain selain menenun. Buat apa nak cari pekerjaan lain pula [ketawa].

**EA: Siapakah idola atau sumber inspirasi Puan dalam bidang songket?**

PHZ: Mengambil inspirasi dan menjadikan emak sebagai idola.

**EA: Apakah pandangan puan terhadap industri tenunan songket?**

PHZ: Pandangan saya, bermasalah. Sebab mereka import songket dari negara luar berlambak-lambak [banyak]. Katanya songket Terengganu, padahal [walhal] bukan dari Terengganu sebenarnya.

**EA: Adakah terdapat songket dari negara luar?**

PHZ: Banyak. Negara lain saya ingatkan tidak memakai kain songket, contohnya sampin. Negara lain tidak memakai, hanya di Malaysia sahaja sebab itu ramai yang menjual sampin dari negara luar dan membawa masuk ke Malaysia.

**EA: Bagi menyiapkan sehelai kain songket, berapa lamakah masa yang diambil untuk disiapkan?**

PHZ: Songket ada banyak jenis, jadi atas jenis-jenis. Kalau jenis yang payah [susah], yang halus biasanya sampai 6 bulan pun ada sehelai. 3 bulan lah kebanyakan. Sebulan pun ada juga, yang cotton. Jadi ianya tidak tetap. Zaman Mok Ngoh [nama panggilan] menenun dulu seminggu sahaja. Sekarang sampai sebulan. Dulu, selepas sembahyang subuh slalu [terus] menenun, orang leni [sekarang] pukul 9 baru mari [datang].

**EA: Berapa meter sehelai songket yang biasanya Puan siapkan?**

PHZ: Dulu dua heler [meter], masa saya budak-budak dulu. Selepas pada itu, lama sikit 2 meter. Leni [sekarang[ dah 2 meter suku. Mok Ngoh [nama panggilan] buat sekarang 2 meter setengah pulok [pulak]. Besar orang leni [sekarang]. Ada cara pakaian dia. Kita kena ikut sebab kita nak menjual.

**EA: Adakah pelanggan akan menetapkan sendiri berapa meter kain yang mereka mahukan?**

PHZ: Ya. Tapi takpe [tidak mengapa], Kalau besar, dia boleh potong. Tapi kalu kecil, nak besarkan dah tak boleh.

**EA: Boleh kami tahu dimana lokasi tempat tenunan dan jualan songket puan?**

PHZ: Saya jual seluruh Malaysia, Singapore dan Brunei. Negara orang melayu la. Sebab negara lain tak pakai.

**EA: Sejak bilakah songket puan di jual ke negara-negara luar?**

PHZ: Tak ingat [lupa], masa muda-muda dahulu lah. Leni dok doh [sekarang tidak lagi]. Ayah haji [suami] tak dok doh [dah meninggal]. Dah 11 tahun dah, nak pergi dengan siapa. Sekarang orang dah kenal, jadi pelanggan sendiri akan mari [datang] ke sini.

**EA: Sejak bilakah ianya beroperasi?**

PHZ: Dulu jual di kedai cina sahaja, di Pasar Payang dan kedai tanjung. Selepas tu saya berbincang dengan suami, "mari [jom] kita jual kat [ke] luar negeri la Kuala Lumpur, Perak, Kedah."

**FS: Sejak bilakah bengkel Terengganu Songket beroperasi?**

PHZ: Semenjak duduk disini la. Ada la dalam 30 tahun kali [mungkin]. Lebih kurang la. Bengkel tu pihak Kraf Negara yang bagi [sediakan]. Alatan semua disediakan. Dia nak hidupkan negeri Terengganu, supaya ada nama. Kita pun begitu juga nak ada nama negeri nak ada nama negara. Harapan kita begitu lah. Nak beri nama supaya orang akan kata "bagus Terengganu, bagus Malaysia" (ketawa).

**FS: Jika tidak keberatan, boleh puan kongsikan kepada kami apakah rahsia puan dalam menghasilkan songket yang terbaik?**

PHZ: Dia begini rahsianya, haritu [sebelum ini] takdok [tiada] orang tahu mengenai songket. Dulu orang yang dah pakai tu koho niti [akan berkogsi] dan beritahu kepada orang lain. Dari mulut ke mulut la. Pelanggan yang dah pernah pakai akan memberitahu kawan. Sebab ada pelanggan yang mari [datang] dan kata [cakap] "kawan saya yang bagitahu".

**FS: Apakah Teknik dan proses dalam menenun songket?**

PHZ: Banyak. Kalau biasa yang beragi tu orang tua biasa pakai, selepas itu ada yang kosong, ada bunga, bunga penuh, bunga tabur. Leni pulok [sekarang pula] yang warna-warna pula kita sulam. Warna tu maknanya benang sulam, benang emas yang ada macam-macam warna. Jadi, boleh tukar-tukar. Kalau orang ada 10 helai kain songket, boleh tukar-tukar.

**EA: Apakah perbezaan songket zaman dahulu dan sekarang?**

PHZ: Tiada perbezaan. Kalau kain yang dah lama, yang dah buruk maklum lah dok [kan]. (ketawa) Tapi kalau pandai simpan dia tahan lagi.

**FS: Bagaimana dengan proses membuat songket?**

PHZ: Memang ada. Mula-mula sekali kita beli benang warna putih lepas itu kita buat colour [warna] dan jemur, lepas itu kita try [cuba], mennganin, gulung, nyapok, ngarak lepastu menyongket dan baru lah menenun. Rasanya 8 proses atau lebih. Sebab saya tak bilang [kira], cuma buat.

**EA: Bagaimana dengan kos alatan songket?**

PHZ: Untuk alatan songket, kos dia tak tinggi. Kos dia batang buluh, batang nibung, kayu. Haa begitu. Saya buat sendiri. Tapi kikir tu Kraftangan sediakan, buat sendiri pun ada juga.

**EA: Bagaimana cara puan menjaga kualiti songket puan supaya tidak mudah rosak sekiranya ada pelanggan yang bertanya?**

PHZ: Saya akan ajar lah. Cara gulung, letak disini disini,dan sandar. Saya ajar kalau dia tanya, kalau tak tanya saya tak ajar.

**EA: Jadi bagaimana caranya puan?**

PHZ: Kita hampar kain itu, kita ambil kayu ataupun pergi beli bekas gulung kain dan kita gulung. Selepas itu kita bungkus dengan kertas minyak, ikat atas dan ikat bawah. Selepas itu kita sandar dalam robok [almari] kita tu. Kalau macam tu tahan sikit, tidak berkedut. Tapi kalau kain saya, payah berkedut. (ketawa)

**EA: Berapa lamakah tempoh ketahanan kain songket jika dijaga dengan rapi?**

PHZ: Begini, boleh buat pusaka. Daripada tok, emak saya pun ada lagi ni. Sebab tak pakai mana kan, pakai jarang-jarang. Setahun sekali dua kali sahaja. Biasanya hari raya, lepastu semasa akad nikah. Begitulah orang pakai. Nok-nok [lagi-lagi] orang Terengganu, tak pakai mana [sangat].

**EA:** **Apakah keistimewan songket Terengganu?**

PHZ: Songket Terengganu ni dibuat tangan, ianya kemas. Kemas tahu tak? kemaaaas je...

**EA:** **Bagaimana pula dengan perbezaan antara songket Terengganu dengan negeri lain, contohnya Songket Pahang?**

PHZ: Songket Pahang pun molek [bagus] juga. Dia ikat-ikat gitu [macam tu]. Saya pandai buat.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

**Bahagian 4: Produk Dan Perniagaan Tenunan Songket**

**EA:** **Apakah tugasan paling sukar yang pernah puan galas selama terlibat dalam bidang songket ini?**

PHZ: Ada, tapi kita kena (*perlu*) tanya dia (*pelanggan*) bila dia nak pakai? Kita agak kita tahulah tiga bulan ke empat bulan ke. Ore (*pelanggan)* kata tahun hadapan, bolehlah. Kalau orang itu kata sebulan lagi nak pakai. Ha, jangan, jangan. Kita agak jangan buwi naling ore (*jangan bagi orang takut*). Kita susah, dia pun tak jadi dah.

**EA:** **Jadi apakah maksud sukar puan ketika membuat songket itu? Adakah dari segi masa?**

PHZ: Ya, dari segi masa.

EA: **Bilakah waktu kemuncak pelanggan membeli atau menempah produk songket dari perniagaan puan?**

PHZ: Musim Raya, musim orang kahwin. Masa tutop skoloh haritu *(Masa cuti sekolah haritu)*. Tutop skolohkan (*cuti sekolah)* musim orang nak kahwinlah. Masa nak raya tu, semua orang sudah tahu dah.

EA: **Apakah jumlah tempahan yang paling banyak yang puan pernah dapat?**

PHZ: Ada, pada musim kahwin. Dokleh nok wak kire, dulu laku leni kuranglah sikit jak jak Covid Covid ni. Nok kato takdok langsung dok baik ork. (*Tidak boleh nak kira, dulu laku sekarang kuranglah sikit semenjak Covid, Covid ini. Nak kata tiada langsung itu tidak baik pula.)* Adalah dalam dua tiga helai.

EA: **Pernahkah puan membuat kolabrasi bersama agensi lain?**

PHZ: Brehi duk wak agent gitu? (*Seperti ada agent?)* Suruh dia jual ke apa?

EA: **Maksud saya, mungkin puan ada buat kolabrasi bersama syarikat di luar yang membuat kain. Selepas itu, buat membuat kolabrasi bersama mereka?**

PHZ: Dok, Dok, Dok. (Tidak, tidak, tidak.) Kalau ada orang yang nak. Boleh datang rumah saya. Produk kita, kita bertanggungjawab.

EA: **Apakah pengalaman pahit dan manis selama puan berkhidmat dalam bidang tenunan songket?**

PHZ: Bermacam- macamlah manis ada. Kalau laku manislah kenangannya.

Kalau tidak laku pahitlah kenangannya.

**EA:** **Jadi, apakah kenangan pahitnya ketika membuat songket? Jika puan sudi berkongsi cerita.**

PHZ: Musim musim orang kurang (*tidak ramai*) itupun kenagan pahit juga. Kena bersabar. Ada jugak laku selepas itu.

**EA:** **Siapakah pelanggan yang paling puan ingati?**

PHZ: Pelanggan – pelanggan kita memang kita ingat, kita tahu. Kalau ada orang dia rasa nak datang lagi boleh tapi kalau tidak dia boleh pergi tempat lain.

**EA:** **Berapa ramaikah pelanggan tetap puan?**

PHZ: Terlalu ramai. Biasa songket yang elok Dato' Dato'. Orang biasa pakai Songket Hogget.

**EA:** **Pernahkan puan berada di tahap paling kritikal ketika menjalankan perniagaan tenunan songket ini? Jika ada, boleh puan kongsikan?**

PHZ: Musim ini, pada musim Covid. Cuba tanya perniaga yang lain kerana saya selalu tanya peniaga yang lain. Macam mana dengan perniagaan? Oh orang yang berniaga lain pun susah jugak. Saya pun kata, takpa takpalah, doa- doalah tamat cepat cepat.

**EA:** **Adakah puan juga menjual di medium 'Online'?**

PHZ: Ada.

**EA:** **Kebiasaanya menjual di medium 'Online' yang mana?**

PHZ: Instagram '@TerengganuSongket_' (*cucu Puan Hajah Zainab menunjuk akaun Instagram perniagaan beliau). ( cucu Puan Hajah Zainab menunjukkan gambar pelanggan memakai songket buatan beliau di akaun Instagram perniagaan).*

**EA: Boleh puan ceritakan sedikit mengenai harga jualan produk puan?**

PHZ: Harga atas barang. Kalau barang itu susoh (*susah*) nak buat harga memang tinggi. Kalau senang, rendah sedikit. Senang lagi, maka lagi rendah.

**EA: Berapakah harga minimum produk puan?**

PHZ: Paling rendah seribu (RM1000). Itu untuk samping.

**EA: Kebiasaannya, harga maximum untuk produk puan?**

PHZ: Sampin juga, kalau sampin lapas belas ribu (RM18 000) dan itu Kain Rima orang panggil. Kainnya sangat halus dan susah nak buat. (*cucu beliau menunjukkan gambar kain rima).*

**EA: Siapakah orang yang menempah kain rima itu?**

PHZ: Tiada yang menempah kerana ini kain lama. Kita buat dan kita simpan dan kita tunjuk. Kalau dia berkenan dia belilah. Dia nak tempeh bagaimana? Dia tidak tahu corak apa mahu tempat.

**EA: Apakah permulaan harga pada waktu awal puan mula menenun?**

PHZ: Dia cakap nok hok gini gini (*mahu yang* bergini) waktu itulah kita bincang harga. Setuju, setuju dahulu barulah dia beri satu per dua (*1/2)* atau satu per tiga (*1/3)* deposit. Baru kita akan mula. Dia ambik masa dengan harga.

**EA:** **Bagaimana puan mengklasifikasikan produk puan? Atau mentarget pelanggan puan?**

PHZ: Kita target orang yang banyak duit. Seperti politition (*ahli politik),* Kerabat-kerabat diraja atau orang kenamaan. Orang biasa pun ada juga yang minat dengan songket. Jadi boleh kata untuk orang yang minat songket dan memakai songket.

**EA:** **Adakah terdapat pengumpul songket yang datang membeli dan mengumpul produk puan?**

PHZ: Kebiasaannya mereka akan beli kain seperti kain rima dan kain yang lama, tanjak. (*cucu beliau menunjuk gambar koleksi kain rima dan kain- kain lama).*

**EA:** **Apakah corak atau jenis kain songket ang kebiasaannya ditempah oleh pelanggan?**

PHZ: Bunga tabor, pokok, bunga, corak penuh dan banyak lagi. Kalau Tuanku Pemaisuri Agong beliau suka dengan corak dan teknik ikat. Kita ikat dulu baru kita buat colour (*warna)* jadi dekat semetang yang kita ikat itu dia jadi colour (*warna) lain. (cucu beliau menunjuk contoh pelanggan yang membeli corak ikat).* Coraknya seperti celoreng celoreng begitu.

**EA:** **Berdasarkan dari pembacaan kami, pihak istana juga pernah mengambil produk puan sebagai busana mereka. Apakah menyebabkan pihak istana berminat dengan songket hasil tenunan puan?**

PHZ: Orang nak masuk istana nak bermesyuarat. Kebiasaannya khabar dari mulut ke mulut. Produk kami tidak tipu dan menjaga kualiti. Dari situ bermulanya orang menempah dengan kami.

**EA: Selain daripada golongan diraja, dan artis siapakah lagi orang kenamaan yang pernah memakai songket puan?**

PHZ: Banyak dan tidak teringat.

**EA: Adakah puan mempunyai pereka fesyen tersendiri untuk perniagaan tenunan songket puan?**

PHZ: Kebiasaannya customer (*pelanggan*) mencari sendiri tukang jahit mereka.

**EA: Selain menjual kain songket, adakah puan mempunyai produk lain yang sudah dihasilkan?**

PHZ: Dulu ada buat seperti tali pinggang, ikat rambut (*cekak rambut).* Dulu lah waktu budak- budak (pekerja) ramai. Leni dok dah (*Sekarang tidak dah)*. (*Cucu beliau menunjukkan gambar bag hasil tenunan songket)*

**EA: Sepertimana yang puan kata tadi, dulu puan ada membuat produk lain. Adakah puan masih meneruskan penjualan produk berikut?**

PHZ: Dok (*tidak)* dah sekarang, buat kain sahaja.

**EA: Apakah pencetus idea yang membuatkan puan berminat untuk membuat produk yang selain daripada kain songket dulu?**

PHZ: Hanya terfikir sendiri.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

**Bahagian 5: Galeri Terengganu Songket.**

EA: **Selain daripada tempat tenunan songket di Galeri Terengganu Songket Pasir Panjang. Adakah puan mempunyai cawangan lain?**

PHZ: Tiada, situ sahaja.

EA: **Adakah puan pernah terfikir untuk membuka galeri tersebut di negeri lain?**

PHZ: Tiada lagi, kita menjual sambal menjaga pekerja.

EA: **Bagaimanakah galeri songket puan mendapat sambutan semasa awal pembukaan?**

PHZ: Pada waktu itu, orang sudah kenal saya pergi hantar rata-rata doh (*merata tempat*). Kalau saya tinggal pun saya tutup sajalah. Pergi tolak- tolak barang di negeri lain. Kalau kita duduk dirumah dan orang kata nak mari (*datang*) boleh lah.

EA: **Siapakah yang selalu memberi semangat kepada puan untuk terus memajukan galeri songket puan?**

PHZ: Pada waktu dulu, suami. Sekarang suami tiada dah. Kita dah takda kerja lain maka kita bertukanglah (*menenun*)

EA: **Buat masa sekarang puan mempunyai berapa ramai pekerja?**

PHZ: Sekarang tak ramai dah. Ada sepuluh orang. Sebab barang yang dulu-dulu banyak lagi dan tak boleh jual lagi. Kalau habis nanti kita buat lagi. Tidak susah, alat – alat tu semua ada dah.

EA: **Adakah puan mempunyai pekerja yang sangat diingati dan paling mahir dalam menenun ini?**

PHZ: Kita pakai pekerja yang macamtu lah leni (*sekarang*) Kalau yang lebih kurang kita tak pakai dah.

EA: **Adakah puan mempunyai pekerja yang paling muda dan paling lama sudah berkhidmat?**

PHZ: Orang tua, orang muda jarang leni (*sekarang)*

EA: **Adakah puan mempunyai idea untuk menambah lagi pekerja?**

PHZ: Leni (*sekarang*) takda lagilah, akan datang tak boleh cakaplah.

EA: **Bagaimanakah puan menjaga kebajikan pekerja puan? Seperti memberi hadiah kepada mereka.**

PHZ: Jaga jelah betul- betul. Kalau dia tanya kita ajar dia. Ada, bagi selalu hadiah pada mereka.

EA: **Sebab apa puan memberi hadiah kepada pekerja puan?**

PHZ: Baik kita bagi ke pekerja kita daripada bagi kepada orang lain.

EA: **Apakah cabaran ketika mengajar pekerja puan?**

PHZ: Pekerja yang baru masuk biasanya saya tak ambil. Hok (yang) boleh sikit-sikit dah tu bolehlah. Yang tak pandai langsung biasanya orang kraf tangan akan ajar. Dia bagi elaun. Bagus orang kraf tangan tetapi sekarang tak tahulah ada lagi or tak. Untuk tahun- tahun lepas tak tahulah ada lagi ke bajet untuk mengajar tu.

**EA: Adakah kebiasaannya pekerja puan akan ditawar oleh pihak Kraf Tangan Negara?**

PHZ: Dok (*tidak*) dia pandai dari mak mereka jugak. Dulu semua orang menenun dekat sini.

**EA: Selain daripada menjalankan perniagaan songket, puan ada menawarkan kelas tenunan songket kepada orang awam? Atau kelas itu hanya ditawarkan di Kraf Tangan Negara sahaja?**

PHZ: Dok, dok (*tiada, tiada*). Dulu ada jugak dia (*pihak Kraf Tangan Negara*) suruh saya ajar dan saya ambik untuk ajar.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## Bahagian 6: Pencapaian Dan Anugerah

**EA: Apakah yang membuatkan puan terpilih untuk menjadi Tokoh Kraf Negara?**

PHZ: Orang kraf tangan datang membuat penilaian, seperti memberi tugasan untuk menentukan adakah betul kita boleh buat belaka ( *kesemuanya*)

tentang songket. Dia tanya – tanya soalan macam tu lah.

**EA:** **Apakah cabaran yang dihadapi selama memegang gelaran tokoh tersebut?**

PHZ: Adalah seperti budak- budak sekolah datang, tanya – tanya gitulah (*macam itulah)*

**EA:** **Apakah kelebihan yang puan dapat selepas mendapat gelaran tokoh ini?**

PHZ: Ginilah, kalau kita pergi menjual dinu (disana) kita akan dapat harga istimewa. Ada juga yang suruh kita bercakap (*berucap*) tentang ini. Seperti budak- budak sekolah dan budak U (*university)* duduk dengar, malu tak malupun kita kena lah. Kalau kita pergi jaga booth (*gerai*) ke kita tak boleh pergi soranglah sebab harini kita jaga disini dan esok pulak kita kena pergi sana pulak. Di pantai timur ni jaga sedap kalau jaga booth (*gerai)* tu dapat jualan.

**EA:** **Kebiasaannya gerai itu dibuka di mana?**

PHZ: Di KL (*Kuala Lumpur*), seperti hari kebangsaan.

**EA:** **Apakah prinsip hidup puan untuk teruskan perniagaan ini?**

PHZ: Prinsip hidup dia biasanya kalau berniaga jangan menipu orang, tetapi yang paling penting adalah mejaga sembahyang kerana yang pemberi rezeki ini adalah Allah SWT. Seperti duniawi kena cari jugak dan akhirat juga kena cari jugak. Kena balance (*seimbang*).

**EA:** **Selain daripada Tokoh Kraf dan ASEAN, adakah puan mempunyai pencapaian yang lain?**

PHZ: Ada, Terengganu pun ada bagi tetapi yang paling di tonjolkan adalan dua itu kerana itu percampaian tertinggi.

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## Bahagian 7: Harapan dan Impian

**EA:** **Sepanjang kerkecimpung dalam bidang songket, apakah cabaran yang puan pernah hadapi?**

PHZ: Seperti songket luar sakni lah (*tadilah*) banyak saingan.

**EA:** **Bagaimanakah puan mengatasi cabaran tersebut?**

PHZ: Sabar gitulah, kita cantikkan lagi barang kita, biar orang menilai supaya orang tengok orang akan kata lainnya.

**EA:** **Bagaimanakah songket ini memberi impak kepada masyarakat?**

PHZ: Boleh beri pekerjaan kepada orang- orang kampong, seperti ibu tunggal, orang – orang miskin sebab orang yang banyak duit dia tak kerja dah dengan kita.

**EA:** **Apakah rancangan 5 ke 10 tahun akan datang selepas ini?**

PHZ: Saya tiada rancangan untuk masa akan datang lagi saya sedang menunggu songket saya terjual dahulu.

**EA: Boleh puan berkongsi sedikit rahsia kejayaan puan dalam kerjaya dan kehidupan?**

PHZ: Mintak dengan Allah, sentiasa zikir dan solat Dhuha.

**EA: Apakah kata- kata nasihat dari ibu puan yang puan masih ingat sampai hari ini?**

PHZ: Ada, dia kata tengoklah bertapa sabar, ada hari susah ada hari senang tiada siapa siapa asyik senang je.

**EA: Bagaimana pula dengan Arwah Suami puan?**

PHZ: Dok ingat dah lama dah.

**EA: Adakah masih ada harapan atau impian yang masih belum tercapai untuk Terengganu Songket ini?**

PHZ: Capai blaka dah.

**EA: Selain daripada itu, apa harapan puan untuk industry tenunan songket kepada negara dan generasi akan datang?**

PHZ: Saya harap biar teruslah tenunan songket, jenis tak berapa nak. Harapkan adalah kesinangbungan supaya tidak pupus.

**EA: Apakah tips untuk generasi baru untuk mencuba perkara baru?**

PHZ: Disebabkan ini bermain dengan benang so dia kena bersabar.

**EA:** **Sebelum mengakhiri temubual ini, boleh puan berikan pandangan dan nasihat untuk golongan muda yang berminat untuk mencuburi bidang tenunan songket?**

PHZ: Marilah kata MokNgoh (*nama panggilan Puan Hajah Zainab*) nak jadi gini rasa dan ada satu masa boleh rezeki. Awak pun Mok Ngoh harap akan lebih dari Mok Ngok tu saya kata.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

# RUJUKAN

# Rujukan


Asmah. (n.d.). Adiguru. Retrieved February 17, 2021, from https://www.kraftangan.gov.my/maklumat-kraf/tokoh-kraf/adiguru

Shuib, N. (2018, May 23). Menenun songket sejak Usia 7 TAHUN. Retrieved February 17, 2021, from https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2018/05/429099/menenun-songket-sejak-usia-7-tahun

Tokoh Kraf Negara : Kraf tenunan songket. (n.d.). Retrieved February 17, 2021, from http://tokohadiguru.blogspot.com/2012/04/tokoh-kraf-negara-kraf-tenunan-songket.html

# LAMPIRAN

# LOG WAWANCARA

# Log Wawancara

Eili Aida dan Fatin Syawani menemubual Puan Hajah Zainab Binti Mamat, yang dilahirkan pada 22 Disember 1942, di Kampung Gulung Gajah, Kuala Terengganu. Temubual ini dijalankan menggunakan aplikasi atas talian iaitu Google Meet mengenai sejarah dan pengalaman beliau sebagai seorang Tokoh Kraf Negara dan penenun songket selama hampir 55 tahun.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN 1: PENGENALAN DIRI** | | |
| 00:00-00:20 | i. Pengenalan | • Eili Aida dan Fatin Syawani perkenalkan diri<br>• Menyatakan hasrat ingin menemubual |
| 00:23-07:35 | ii. Latar belakang tokoh | • Hajah Zainab Binti Mamat<br>• Dilahirkan pada 22 Disember 1942, di Kampung Gulung Gajah, Terengganu.<br>• Tempat tinggal di Kampung Bukit Depu, Kuala Terengganu.<br>• Nama panggilan "Mok Ngoh"<br>• Nama ibu tokoh ialah Hajah Mariam bt Hj Muhammadd Min dan nama bapa beliau Muhammad bin Ibrahim.<br>• Merupakan anak ke-2 daripada 7 |

| | | |
|---|---|---|
| | | orang adik beradik.<br>• Suami tokoh bernama Haji Jusoh bin Haji Hussin.<br>• Mempunyai 6 orang anak iaitu Rokiah, Mazlan, Zainun, Normah dan Azizah. |
| **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN** | | |
| 07:45-21:06 | i. Latar belakang pendidikan | • Bersekolah di Sekolah Melayu, Pasir Panjang Terengganu.<br>• Pergi ke sekolah dengan berjalan kaki<br>• Hobi ingin menjadi pembuat songket |
| | ii. Pengalaman manis | • Pernah menyertai pertandingan mengait dan mendapat tempat pertama<br>• Menolong rakan semasa menyertai pertandingan |
| | iii. Selepas tamat persekolahan | • Selepas tamat sekolah, tokoh hanya fokus menolong ibu menenun songket<br>• Tokoh tidak pernah bekerja lain selain menenun songket<br>• Pernah menolak tawaran sebagai |

| | | |
|---|---|---|
| | | jururawat dan guru |
| **BAHAGIAN 3: BIDANG TENUNAN SONGKET** | | |
| 21:10-52:40 | i. Mula menceburi bidang songket | • Warisan dari ibu, nenek moyang semuanya bekerja sebagai penenun songket<br>• Menceburi bidang songket sejak usia 7 tahun lagi |
| | ii. Tempat mula-mula menenun songket | • Tokoh hanya menenun dibawah rumah sahaja bersama ibunya |
| | iii. Tempahan songket pertama dipasarkan | • Songket kosong yang tiada bunga |

| | | |
|---|---|---|
| | iv. Proses pembuatan songket | • Terdapat 8 proses iaitu warnakan benang, jemur, menganing, menggulung, menyapak, mengarak, menyongket dan menenun. |
| | v. Tempoh ketahanan kain songket | • Jika dijaga rapi ianya akan tahan sangat lama sehingga boleh dijadikan barang pusaka. |
| **BAHAGIAN 4: PRODUK DAN PERNIAGAAN TENUNAN SONGKET** | | |
| 52:45 – 1:12:30 | i. Kuantiti tempahan | • Perlu mengetahui waktu yang pelanggan ingin memakai dan menggunakan kain songket tersebut.<br>• Waktu kemuncak menerima tempahan adalah pada musim perkahwinan, cuti sekolah dan hari perayaan. |
| | ii. Saat kritikal ketiba berniaga songket | • Waktu yang kritikal tetang perniagaan ini adalah pada musim terjadinya Covid-19. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | iii. | Golongan yang membeli kain songket ini. | • Terdapat pelbagai golongan yang membeli kain songket ini seperti golongan kerabat diraja, dato' dan datin, orang kenamaan, artis dan peminat tenunan songket. |
| | iv. | Harga jualan produk tenunan songket | • Harga ditentukan daripada tahap kesukaran pembuatan kain songket itu.<br>• Harga minimum bagi sehelai kain songket adalam RM1,000.<br>• Harga minimum bagi sehelai kain songket adalah RM18,000 |
| | v. | Jenis – jenis corak dan Teknik tenunan songket | • Terdapat beberapa corak yang sering ditempah iaitu bunga tabur dan corak penuh.<br>• Teknik yang disukai Pemaisuri Agong Azizah ialah Teknik ikat. |
| | vi. | Bagaimana produk tenunan ini dikenali umum. | • Produk tenunan ini dikenali daripada buah mulut orang dalam menyebarkan informasi. |
| | vii. | Produk selain daripada kain songket | • Hasil tenunan songket telah dijadikan bag tangan, tali pinggan dan banyak lagi. |

| BAHAGIAN 5: GALERI TERENGGANU SONGKET | | |
|---|---|---|
| 1:12:30 – 1:20:07 | i. Pembukaan cawangan baru. | • Masih tiada di dalam perancangan Puan Zainab. |
| | ii. Bilangan pekerja | • Mempunyai lebih daripada 10 orang pekerja.<br>• Pekerja ialah dikalangan orang – orang kampung seperti golongan asnaf, ibu tunggal dan golongan miskin.<br>• Tidak mengambil pekerja yang tidak mempunyai asas menenun songket. |
| | iii. Kebajikan Pekerja | • Pekerjanya dijaga dengan memberi tunjuk ajar yang betul dan sering memberi hadiah kepada pekerja.<br>• Memberi sumbangan yang secukupnya kepada pekerja. |

| BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH | | |
|---|---|---|
| 1:20:27 – 1:24:01 | i. Penerimaan Gelaran Tokoh | • Menerima Anugerah Tokoh Kraf Negara pada tahun 2002.<br>• Menerima Anugerah Tokoh Kraf Tangan Tenunan Songket peringkat ASEAN pada tahun 2007. |
| | ii. Cabaran memegang gelaran tokoh | • Sering mendapat kejungan daripada pelajar peringkat sekolah mahupun di peringkat university.<br>• Sering disuruh member ucapan di khalayak ramai. |
| **BAHAGIAN 7: HARAPAN DAN IMPIAN** | | |
| 1:24:23 – 1:33:25 | i. Cabaran yang dihadapi | • Mempunyai banyak saingan seperti tenunan songket daripada neegara luar seperti Thailand.<br>• |
| | ii. Harapan kepada industri tenunan songket | • Berharap agar industry ini terus dikekalkan |

# DIARI KAJIAN

# Diari Kajian

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 9.00 pagi – 11.00 pagi | 20/10/2020 (Selasa) | Mendapat Tugasan<br><br>Diberikan tugasan oleh Pensyarah berkenaan tugasan sejarah lisan. Kami dikehendaki untuk mencari seorang Tokoh dari Pantai Timur. | Membuat catatan mengenai tugasan yang diberikan. |
| 9.00 pagi – 5.00 petang | 21/10/2020 (Rabu) | Pencarian Tokoh<br><br>Kami melakukan beberapa kajian menggunakan Google bagi mendapatkan tokoh yang bersesuaian dengan tugasan kami.<br><br>. | Kami berbincang sesama sendiri dan telah memilih Tokoh yang sesuai dengan kriteria tugasan yang diberikan. |
| 9.00 pagi – 11.00 pagi | 23/11/2020 (Isnin) | Panggilan Telefon<br><br>Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk menyatakan tujuan kami dan memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah. | Catatan awal dilakukan untuk proses seterusnya. |
| 11.00 pagi – 3.00 petang | 28/11/2020 (Sabtu) | Berbincang mengenai platform Temubual<br><br>Kami berbincang mengenai platform atas talian apakah yang akan digunakan untuk membuat sesi temubual Bersama tokoh. Samaada aplikasi Zoom Meeting atau Google Meet. | Mencuba dan membuat perbandingan untuk setiap aplikasi 'Online meeting' |
| 9.00 pagi – 10.00pagi | 04/12/2020 (Jumaat) | Mengatur Temujanji Bersama Tokoh | Catatan awal dilakukan untuk |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Kami telah mencadangkan satu Tarikh iaitu 11/12/2020 (Jumaat) Dan meminta persetujuan daripada tokoh mengenai tarikh tersebut. | proses pembuatan soalan. |
| 10.00 pagi – 12.00 tengah hari | 11/12/2020 (Jumaat) | Temubual Bersama Tokoh<br><br>Temubual Bersama tokoh telah diadakan pada Tarikh 11/12/2020 (Jumaat) Dan pada pukul 10:00 pagi hingga 12:00 tengahari dengan menggunakan applikasi Google Meet. | Menerangkan semula motif dan agenda untuk rakaman ini pada Tokoh yang bakal ditemu ramah. |
| 9.00 pagi – 10.00 malam | 14/12/2020 (Isnin) | Membuat persediaan Transkrip | Mendengar semula video dan audio daripada hasil rakaman temubual. |
| 9.00 pagi – 10.00 malam | 11/ 01/2021 (Isnin) | Membuat penyuntingan Transkrip | Memperbaiki ejaan dan meneliti semula transkrip yang telah dibuat jika ada kesalahan. |
| 8.00 malam | 01/02/2021 (Isnin) | Menghantar Transkrip lengkap | Menghantar dokumen transkrip ni Google Classroom |

# SENARAI SOALAN

# Soalan-soalan

**BAHAGIAN 1: PENGENALAN DIRI**

1. Assalamualaikum puan, boleh puan ceritakan sedikit tentang diri puan kepada kami? Contohnya, apa nama penuh puan?

2. Adakah puan mempunyai nama panggilan? Untuk keluarga atau orang sekeliling?

3. Bilakah tarikh lahir puan?

4. Dimanakah puan dilahirkan dan dibesarkan?

5. Siapakah nama ibu dan bapa puan?

6. Dimanakah tempat puan tinggal sekarang?

7. Berapakah bilangan adik beradik puan?

8. Puan merupakan anak ke berapa?

9. Pada tahun bilakah puan berkahwin?

10. Selain itu, oleh kami tahu apa nama penuh suami puan?

11. Puan mempunyai berapa orang anak?

12. Apakah nama anak anak puan dan umur mereka?

13. Adakah puan tegas terhadap anak-anak puan?

**BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

14. Dimanakah Puan bersekolah?

15. Bagaimanakah puan pergi ke sekolah pada ketika itu?

16. Apakah jenis subjek yang diminati oleh puan ketika bersekolah?

17. Siapakah rakan Puan yang rapat dengan puan sehingga sekarang?

18. Apakah kenangan manis puan semasa di sekolah?

19. Apakah hobi dan cita cita puan semasa di bangku sekolah?

20. Setelah menamatkan pengajian, adakah puan telah melanjutkan pengajian atau bekerja dahulu?

21. Apakah pencapaian tertinggi puan di peringkat sekolah?

**BAHAGIAN 3: BIDANG TENUNAN SONGKET**

22. Boleh puan ceritakan bagaimana puan boleh berkecimpung dalam bidang tenunan songket?

23. Apakah pekerjaan ibu bapa puan pada ketika itu?

24. Dimanakah tempat mula-mula puan belajar menenun songket?

25. Tempahan songket jenis apakah yang mula-mula puan pasarkan?

26. Sudah berapa lamakah puan berjinak dalam bidang tenunan songket ini?

27. Adakah ada diantara anak-anak puan yang mengikuti jejak langkah puan?

28. Adakah puan masih aktif dalam bidang songket?

29. Adakah puan pernah bekerja ditempat lain yang selain daripada tenunan songket?

30. Apa yang menyebabkan puan berminat dengan pembuatan songket?

31. Apakah yang memberi inspirasi untuk puan membuat songket sampai sekarang?

32. Boleh puan ceritakan kenapa puan memilih untuk meneruskan tradisi menenun songket sebagai kerjaya puan dan bukannya memilih untuk menjadi guru dan sebagainya pada waktu itu?

33. Siapakah idola atau sumber inspirasi Puan dalam bidang songket?

34. Kenapa Puan mengagumi beliau?

35. Apakah pandangan puan terhadap industri tenunan songket?

36. Boleh puan terangkan sedikit sebanyak tentang sejarah songket puan?

37. Bagi menyiapkan sehelai kain songket, berapa lamakah masa yang diambil untuk disiapkan?

38. Boleh kami tahu dimana lokasi tempat tenunan dan jualan songket puan?

39. Sejak bilakah ianya beroperasi?

40. Jika tidak keberatan, boleh puan kongsikan kepada kami apakah rahsia puan dalam menghasilkan songket yang terbaik?

41. Apakah Teknik dan proses dalam menenun songket?

42. Untuk memulakan aktiviti menenun, berapakah langkah yang perlu diambil?

43. Apakah langkah –langkah tersebut?

44. Bagaimana dengan kos alatan songket?

45. Berapa banyak alatan terdapat di galeri puan?

46. Bagaimana cara puan menjaga kualiti songket puan supaya tidak mudah rosak?

47. Berapa lamakah tempoh ketahanan kain songket jika dijaga dengan rapi?

48. Apakah keistimewan songket Terengganu?

49. Bagaimana pula dengan perbezaan antara songket Terengganu dengan negeri lain?

## BAHAGIAN 4: PRODUK DAN PERNIAGAAN TENUNAN SONGKET

50. Apakah tugasan paling sukar yang pernah puan galas selama terlibat dalam bidang songket ini?

51. Bilakah waktu kemuncak pelanggan membeli atau menempah produk songket dari perniagaan puan?

52. Pernahkan buat membuat kolabrasi bersama agensi lain?

53. Apakah pengalaman pahit dan manis selama puan berkhidmat dalam bidang tenunan songket?

54. Siapakah pelanggan yang paling puan ingati?

55. Pernahkah puan berada di tahap paling kritikal ketika menjalankan perniagaan tenunan songket ini?

56. Setakat ini, berapa ramaikah pelanggan tetap songket puan?

57. Boleh puan ceritakan sedikit mengenai harga jualan produk puan?

58. Jenis kain songket apakah yang paling tinggi harga pernah puan jual?

59. Boleh kami tahu bagaimana dengan perbezaan harga songket pada zaman dahulu dan kini?

60. Bagaimana puan mengklasifikasikan produk puan?

61. Siapakah target utama puan ketika menjual atau membuat songket?

62. Apakah corak atau jenis kain songket yang kebiasaannya ditempah oleh pelanggan?

63. Dari pembacaan kami, pihak istana juga pernah mengambil produk puan sebagai busana mereka. Apakah yang menyebabkan pihak istana berminat dengan songket hasil tenunan puan?

64. Selain daripada golongan diraja, pernahkah puan mendapat kunjungan atau pembelian daripada artis, tokoh atau orang – orang yang terkenal?

65. Adakah puan mempunyai pereka fesyen sendiri untuk perniagaan tenunan songket puan? (sebelum cust)

66. Apakah hasil- hasil yang pereka fesyen itu telah hasilkan?

67. Sejauh manakah produk puan telah dipasarkan?

68. Selain mejual kain songket, adakah puan mempunyai produk lain yang sudah dihasilkan?

69. Apakah pencentus idea yang membuat puan beminat untuk membuat produk yang selain daripada kain songket?

**BAHAGIAN 5: GALERI TERENGGANU SONGKET**

70. Selain daripada tempat tenunan songket di Galeri Terengganu Songket Pasir Panjang, adakah puan mempunyai cawangan lain?

71. Apakah yang membuat puan terfikir untuk menubuhkan galeri tersebut?

72. Bagaimanakah galeri songket puan mendapat sambutan semasa awal pembukaan?

73. Siapakah yang selalu memberi semangat kepada puan untuk terus majukan galeri songket puan?

74. Buat masa sekarang puan mempunyai berapa ramai pekerja?

75. Adakah puan mempunyai pekerja yang sangat diingati dan paling mahir?

76. Adakah puan mempunyai idea untuk menambah lagi pekerja? (Jika ada, jelaskan?)

77. Bagaimah puan menjaga kebajikan pekerja- pekerja?

78. Apakah cabaran ketika mengajar pekerja puan?

79. Selain daripada menjalankan perniagaan songket, puan ada menawarkan kelas tenunan songket kepada orang awam? Contohnya kepada mereka yang ingin mempelajari pembuatan tenunan songket Terengganu.

## BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

80. Pada tahun bilakah Puan mendapat anugerah Tokoh Kraf Negara?
81. Bagaimanakah puan boleh terpilih untuk menjadi Tokoh Kraf Negara?
82. Apakah carbaran yang dihadapi selama memegang anugerah Tokoh tersebut?
83. Apakah anugerah lain yang pernah Puan terima?
84. Siapakah orang yang selalu memberi motivasi dan semangat kepada Puan?
85. Boleh puan ceritakan apakah kejayaan tertinggi yang pernah puan capai dalam bidang songket?
86. Apakah kelebihan mencapai kejayaan tersebut kepada puan?
87. Adakah pencapaian kejayaan itu mempunyai keburukannya?
88. Apakah prinsip hidup puan?

## BAHAGIAN 7: HARAPAN DAN IMPIAN

89. Sepanjang berkecimpung dalam bidang songket, apakah cabaran yang puan pernah hadapi?
90. Jadi bagaimanakah cara puan mengatasi cabaran tersebut?
91. Bagaimanakah songket memberi impak kepada masyarakat?
92. Apakah rancangan puan selepas ini?
93. Bolehkah puan berkongsi sedikit rahsia kejayaan puan untuk berjaya dalam kerjaya dan kehidupan?
94. Apakah kata kata atau nasihat dari ibu puan yang puan masih ingat sampai hari ini?
95. Apakah harapan puan terhadap anak-anak puan yang meearisi bakat puan?

96. Harapan terhadap Terengganu Songket pada masa hadapan?

97. Boleh kami tahu apa harapan dan impian puan yang masih belum tercapai?

98. Selain daripada itu, apa harapan puan untuk industri tenunan songket kepada negara dan generasi akan datang?

99. Apakah tips kepada generasi baru untuk mencuba perkara baru?

100. Sebelum mengakhiri temubual ini, boleh puan berikan pandangan dan nasihat untuk golongan muda yang berminat untuk menceburi bidang tenunan songket ini?

# SURAT PERJANJIAN

# Surat Perjanjian

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya..............................................................................KP:...........................................................pada 11/12/2020 ..........dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
   a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.......................................................................

(Nama tokoh ZAINAB @ NGAH BINTI MAMAT
Tarikh: 11/12/2020

(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

# GAMBAR




Gambar 1: Puan Hajah Zainab menunjukkan majalah Tokoh Adiguru Kraftangan Negara milik beliau




Gambar 2: Puan Hajah Zainab menunjukkan hasil songket beliau yang dipamerkan didalam majalah Adiguru Kraftangan




Gambar 3: Puan Hajah Zainab menunjukkan coretan dan gambar beliau didalam majalah Adiguru Kraftangan




Gambar 4: Puan Hajah Zainab menunjukkan majalah Tokoh Asean Master milik beliau




Gambar 5: Puan Hajah Zainab rumah ibu beliau semasa mula b menenun songket




Gambar 6: Gambar tangkapan skrin semasa melakukan temubual melalui aplikasi Google Meet Bersama Puan Hajah Zainab



Gambar 7: Puan Hajah Zainab menunjukkan hasil songket buatan beliau (sumber google)



Gambar 8: Puan Hajah Zainab sedang mengajah pekerjanya Teknik menenun songket (sumber google)

# SIJIL PENGHARGAAN

# Sijil Penghargaan




Gambar 9: Watikah Perlantikan Tokoh Kraf Negara




Gambar 10: Watikah Penghargaan




Gambar 11: Terengganu Songket Exhibition




Gambar 12: Sijil Perantis Kraf Warisa – Tenunan Limar




Gambar 13: Sijil Pertandingan Produk Kraf

# INDEKS

## A

Anak 17, 18, 20, 22, 46, 56, 57
anugerah 21, 36, 52, 61,
alatan 23, 26, 27, 58,

## B

belajar 19, 22, 23, 57,68
bekerja 20, 21, 23, 46, 47, 57
bidang 6, 17, 22,23, 24, 28, 38, 40
bilangan 11, 17, 50, 56,

## G

generasi 39, 62

## H

hasil 13, 16, 20, 21, 26, 32, 33, 49, 54, 59, 60
harapan 26, 38, 39, 51, 61, 62

## I

industri 34, 51, 58, 62
inspirasi 23, 24, 57,

## K

kos 27, 58,
ketahanan 27, 48, 58
kraftangan 23, 27
kualiti 27, 33, 58

## M

mahir 19, 22, 35, 60
menceburi 47, 62
menyertai 20, 46
menenun 19, 20, 21, 22, 23, 24, 26, 27, 31, 34

## N

Negara 24, 25, 26, 39

## P

pekerja 23, 33, 34, 35, 36, 38, 50, 60
pekerjaan 19, 21, 22, 24, 38, 57
pembuatan 47, 62
pengalaman 16, 29, 45, 46, 59
perniagaan 28, 29, 30, 31, 33, 36, 37, 48, 58, 59, 60
produk 28, 29, 32, 33, 48, 49, 58, 59, 60
proses 22, 26, 27, 48, 53, 54, 58,

# S


songket 13, 16, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 37, 38, 39, 40, 57, 58, 59, 60, 61, 62


# T


temuramah 13, 53

tenunan 13, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 36, 39, 40

tradisi 23,57


# W


warisan 21, 47